

22/09/1999

Dialog PM dengan peserta MMA'99

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berdialog dengan peserta di pameran dan persidangan Multimedia Asia 1999 (MMA'99) dalam usaha bagi mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri dijangka meluangkan masa selama sejam di majlis dialog terbuka itu dan peserta, termasuk tokoh terkemuka dalam industri teknologi maklumat (IT) dari luar negara boleh bertanya apa saja yang berkaitan MSC dan ekonomi negara.

Kira-kira 50 tokoh daripada pengamal industri teknologi maklumat tempatan dan asing serta pakar akan berkongsi pandangan mereka mengenai pembangunan masa depan MSC.

MMA 99 yang akan berlangsung selama dua hari itu bertemakan Penjajaran Semula Untuk Ekonomi Baru, iaitu penerokaan cara baru dan menilai ekonomi yang bakal dipacu oleh pengetahuan pada abad ke-21 nanti.

Ia dianjurkan bersama Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) , Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) dan Protamp Exhibitions Sdn Bhd yang akan berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MINES) Seri Kembangan, Serdang.

Setiausaha NITC , Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, berkata dialog dengan Perdana Menteri itu diadakan pada sebelah petang hari pertama sebelum melancarkan pameran multimedia sempena MMA99.

"Pameran ini diadakan selama empat hari yang akan mempamerkan dunia IT. Pada hari kedua persidangan (Khamis), bengkel akan diadakan berkaitan MSC dan isu berkaitan.

"Ini termasuk bengkel mengenai usaha mewujudkan komuniti pintar Subang Jaya menjelang tahun 2005. Kami turut menjemput wakil penduduk Subang Jaya untuk memberi pandangan dari sudut perspektif penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian sumbangan daripada penaja untuk menjayakan MMA99 di the Mines.

Antara penyumbang derma itu ialah Southern Bank Bhd, Celcom (M) Sdn Bhd, RHB Bank Bhd, Shell Services International Sdn Bhd, Darul Ehsan Multimedia Corp Sdn Bhd, Astro dan Bernama, Iris Technologies Sdn Bhd.

Penajaan setakat ini berjumlah lebih RM150,000 manakala kira-kira 80 peserta sudah mengesahkan penyertaan dalam pameran itu.

Katanya, antara mereka yang terbabit dalam persidangan itu sebagai anggota panel ialah Pengurus Program (Bahagian Produk Pengetahuan) Bank Dunia, Dr Carl Dahlman, Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, Datuk Dr Samsudin Hitam dan Timbalan Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz.

MMA '99 menjadi rangka kerja laporan tahunan antarabangsa mengenai kemajuan dalam pelaksanaan MSC dan juga untuk mempromosi projek itu.

Selain persidangan, beberapa siri bengkel akan diadakan yang akan membincangkan beberapa isu cabaran syarikat berstatus MSC dan perkembangan mereka dalam melaksanakan aplikasi perdana MSC.

(END)